

07 SEP 2003

Sri Lanka-PM

PM SRI LANKA ADAKAN LAWATAN DUA HARI KE MALAYSIA DARI SELASA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe akan memulakan lawatan dua hari ke Malaysia pada Selasa yang bertujuan menggalakkan pelaburan dan perdagangan di antara kedua-dua negara.

Pesuruhjaya Tinggi negara itu ke Malaysia Rosy Senanayake hari ini berkata lawatan itu merupakan proses penting yang diusahakan oleh beliau sejak beliau ditugaskan ke sini pada Jun bagi menggalakkan pelaburan Malaysia di Sri Lanka.

Wickremesinghe dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pelabur dan ahli perniagaan terkemuka Malaysia pada lawatan itu, katanya dalam satu kenyataan.

Lawatan itu diadakan hanya selepas seminggu Sri Lanka mengadakan seminar pelaburan di sini yang telah dihadiri tiga menteri kabinetnya.

Tiga Menteri Kabinet Malaysia -- Datuk Seri Najib Tun Razak (Pertahanan), Datuk Seri S. Samy Vellu (Kerja Raya) dan Datuk Seri Law Hieng Ding (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar) juga akan mengunjungi Wickremesinghe semasa lawatan itu.

Sejak beberapa tahun lepas, pelabur Malaysia telah menjadi antara pelabur terbesar di Sri Lanka yang mencatatkan peningkatan besar pelaburan asing, ekoran pelaksanaan gencatan senjata dan rundingan damai bagi menamatkan konflik etnik selama 20 tahun di negara itu.

Antaranya ialah Telekom Malaysia Berhad yang telah melabur US\$200 juta (RM760 juta) bagi mengendalikan operasi terbesar telefon bergerak di Sri Lanka.

Menurut kenyataan itu, Perjanjian Persefahaman (MoU) mengenai pembinaan lebuh raya tol pertama di Sri Lanka yang akan menghubungkan dua bandaraya utama iaitu Colombo dan Kandy akan dimeterai pada lawatan perdana menteri itu.

MoU itu adalah susulan kepada perbincangan di Colombo di antara Wickremesinghe dan Samy Vellu.

Daripada seorang peguam terkemuka menjadi ahli politik, Wickremesinghe yang memegang kuasa pada Disember 2001 telah mengambil inisiatif untuk mengadakan rundingan damai dengan kumpulan Pembebasan Harimau Tamil Eelam (LTTE), yang membawa kepada pemeteraian perjanjian gencatan senjata dua bulan kemudiannya.

Wickremesinghe dianggap sebagai antara 20 Wira Asia oleh majalah Time pada Julai bagi keputusan berani beliau untuk meneruskan dengan proses damai itu di Sri Lanka.

-- BERNAMA

AU AU RHM